

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : DATO' SERI REEZAL MERICAN
B. NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]****SOALAN NO. 372**

Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA MERICAN [KEPALA BATAS] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan senarai jumlah penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019 mengikut negeri. Nyatakan jumlah keseluruhan isi keluarga (seluruh negara) yang menerima bantuan lebih RM1,200 – selepas dicampur dengan jumlah bantuan kepada anak-anak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.

2. Bayaran bagi fasa pertama BSH 2019 bagi kategori isi rumah sebanyak RM300 yang telah dibuat pada 28 Januari 2019 dan kategori bujang sebanyak RM100 pada hujung bulan Mac 2019 adalah berdasarkan pangkalan data BSH 2018. Pecahan penerima fasa pertama BSH 2019 mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH PENERIMA (‘000)
Johor	834
Kedah	603
Kelantan	514
Melaka	217

Negeri Sembilan	276
Pahang	400
Perak	696
Perlis	74
Pulau Pinang	378
Sabah	644
Sarawak	738
Selangor	952
Terengganu	347
W.Persekutuan	336
JUMLAH	7,009

3. Secara keseluruhan, bayaran BSH 2019 fasa pertama telah memanfaatkan sehingga 4 juta isi rumah dan 3 juta individu dan melibatkan peruntukan berjumlah RM1.5 bilion.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh pendaftaran/pengemaskinian BSH tahun 2019 telah dibuka untuk tempoh 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019. Sehingga 3 April 2019, lebih daripada 3.6 juta permohonan BSH 2019 telah diterima merangkumi 0.6 juta permohonan baharu dan 3 juta permohonan kemas kini. Data ini akan terus meningkat berdasarkan proses kemasukan data yang masih dilaksanakan oleh LHDNM dan dijangka akan mencecah 4 juta permohonan. Sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan, BSH 2019 dijangka memanfaatkan lebih daripada 4 juta isi rumah dan melibatkan peruntukan hampir RM5 bilion.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.